



RAMLI MOHAMED YOOSUF bersama isteri, **Fatimah Moyedden** dan anaknya selepas **Majlis Penutupan Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian KePOLISAN) Sesi 2013/2014** di **Maktab Polis Diraja Malaysia** baru-baru ini.

Ramli catat sejarah Maktab PDRM

SIAPA sangka di sebalik kesibukan tugas sebagai pegawai kanan polis, Senior Deputy Komisioner, Ramli Mohamed Yoosuf mampu memperoleh keputusan cemerlang sepanjang mengikuti program Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian KePOLISAN) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Polis Diraja Malaysia (PDRM) Sesi 2013/2014.

Kecemerlangan itu terbukti apabila anak kelahiran Kuala Terengganu berumur 50 tahun itu yang menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perancangan Dasar dan Pembangunan Strategik) Bukit Aman mencatatkan keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0 di ketiga-tiga semester.

Kejayaan tersebut seterusnya melayakkan beliau dinobatkan sebagai Graduan Pertama Terbaik semasa Majlis Penutupan Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian KePOLISAN) Sesi 2013/2014 di Maktab Polis Diraja Malaysia baru-baru ini sekaligus membawa pulang Piala Pusingan Ketua Polis Negara.

Ramli ketika ditemui dalam majlis tersebut yang turut dihadiri Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menyatakan rasa syukur dan gembira kerana berjaya mencatatkan keputusan cemerlang yang konsisten sepanjang tiga semester tempoh pengajiannya.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada keluarga yang tidak putus-putus memberi dorongan sepanjang saya menghabiskan pengajian.

"Tidak lupa juga kepada PDRM, rakan-rakan dan tenaga pengajar yang juga banyak membantu saya sehingga berjaya mencatatkan keputusan cemerlang," katanya ketika ditemui selepas majlis tersebut pada 23 Oktober lalu.

Kerjaya Ramli bermula pada

tanggal 5 April 1987 sebagai Inspektor Percubaan dan setelah tamat latihan asas, beliau ditempatkan sebagai Pegawai Penyiasat (IO) Jenayah Perdagangan Bukit Aman.

Pada tahun 1994, beliau telah melanjutkan pengajian di Idaho State University (ISU) di Amerika Syarikat dan kembali tiga tahun kemudian dengan Bachelor of Business Administration (Kepujian Tinggi) yang turut meraih kejayaan cemerlang.

Beliau kemudian ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan, Jabatan Pengurusan, Bukit Aman sebelum memasuki kadet Asisten Superintenden pada tahun 1997.

Pada tahun 2000, Ramli telah dipilih untuk menyertai Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (UN) di Sierra Leone, Afrika Barat selama 18 bulan sebagai penasihat sumber manusia dan latihan kepada Sierra Leone Police (SLP) di negara tersebut.

Tidak lama selepas itu, pada tahun 2003 beliau sekali lagi dipanggil semula ke negara berkenaan sebagai Penasihat Latihan SLP dan seterusnya dilantik sebagai UN Police Chief of Staff.

Sekembalinya Ramli ke PDRM, beliau dipilih untuk penugasan di Ibu Pejabat PBB, New York, Amerika Syarikat selama empat tahun sebagai pengurus misi, pegawai latihan dan pegawai polisi yang telah mendedahkannya dengan amalan kePOLISAN dan agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa.

Setelah menamatkan tugasnya di PBB, beliau ditempatkan di Jabatan Pengurusan Bukit Aman sebagai Ketua Turus Istiadat (2008-2011) dan Ketua Komunikasi Korporat PDRM (2011-2013) sebelum mengikuti program Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian KePOLISAN).